



[www.korbanaqiqah.com.my](http://www.korbanaqiqah.com.my)



Tahun ke 13

❑ Laporan  
Program Korban  
Eidul Adha &  
Aqiqah Di  
Kemboja 1427H



**AL-AMEEN SERVE HOLDINGS** (SD BHD)  
(37853357)  
2-1, Tingkat 1, Jalan 9-23A, Medan Makmur Off  
Jalan Usahawan 53200 Setapak Kuala Lumpur.  
Tel: 603-4143 4343 Faks: 603-4149 1414  
No. Lesen: AJL 931362 Emel: alameen@tm.net.my



**YAYASAN PEMBANGUNAN UMAT ISLAM KEMBOJA**  
No. 144, Street 146 on Moa Tse Toung Boulevard Group  
8 Sangkak Toek Laak II, Khan toul Kauk, Phnom Penh,  
Cambodia. Tel (855 11) 809 456 Faks: (855 23) 880 940  
Emel: Zakaryya@yahoo.com

**“Gagal dan rugilah sesiapa yang hatinya tidak dianugerah sifat pemurah sesama manusia oleh Allah.”  
maksud hadith**

## **KATA-KATA SEMANGAT**



“Program ini memberi kesedaran yang mendalam mengenai perlunya semangat ukhwh sesama Islam. Kita akan terlalai dibuai kesenangan ditempat sendiri jika tidak mengikut program seperti ini.” *Haji Mokhtar Bin Haji Mohd Zain, peserta Ziarah Kemboja dari Malaysia*

“Program korban dan aqiqah ini banyak membantu umat Islam di Kemboja terutamanya dari sudut hubungan silaturrahim, pendidikan dan keperluan asas kehidupan. Kami amat bersyukur atas segala keperihatinan umat Islam di seluruh negara dalam usaha membantu umat Islam di sini.” *Ustaz Haji Sabri Kasim, Timbalan Gabenor Wilayah Kompong Cham, Kemboja*



“Saya imam daerah Kg. Chhnang mengucapkan terima kasih kepada umat Islam Malaysia kerana tidak lupa kepada kami di Kemboja. Daging korban akan diagihkan kepada seluruh orang kampung di sini. Semoga Allah menerima ibadah korban tuan dan puan.” *Haji Hashim Bin Haji Yunos, Iman Daerah Kg. Chhnang*

“Saya dan anak mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak tuan/puan yang memberikan dua ekor kambing aqiqah kepada saya untuk jamuan perkahwinan anak saya melalui Mufti Kerajaan Kemboja. Kami mendoakan pihak tuan/puan diberkati dan dirahmati oleh Allah dunia dan akhirat.” *Sos Sem Aysah, Chrang Chamres*



**Para peserta ziarah Kemboja di tepi sungai Mekong Eidul Adha 1427H**



**“Tidak akan sampai kepada Allah daging-dagingnya dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah ketakwaan kamu.” *maksud al-Hajj : 37***

**LAPORAN Pengerusi**

*Allahu akbar Allahu akbar Allahu Akbar walillahilham...*

“Program Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja 1427H telah selamat dilaksanakan. Pada tahun ke-13 program ini, 1437 ternakan Korban dan Aqiqah serta 6 ternakan Nazar telah disempurnakan di seluruh Kemboja. Agihan mengikut jenis ibadah dan ternakan dan perbandingan dengan tahun-tahun lepas ialah seperti berikut:



1427H	KORBAN	AQIQAH	NAZAR
Lembu	855	168	2
Kambing	114	300	4

Program Korban Eidul Adha Dan Aqiqah di Kemboja 1415H - 1427H													
Tahun	1415	1416	1417	1418	1419	1420	1421	1422	1423	1424	1425	1426	1427
Bil. K&A	17	150	288	263	451	561	736	685	886	1178	1177	1381	1443

Pada Hari Raya Eidul Adha, 10 Januari 2006 bersamaan 10 Zulhijjah 1427H ternakan korban mula disembelih dan daging-daging korban diagihkan kepada semua keluarga Islam di kemboja. Daging aqiqah pula telah dimanfaatkan untuk jamuan kahwin, jamuan untuk masyarakat Islam dan jamuan sempena perasmian masjid.”

*Che Mazlan Saad*  
**Haji Che Mazlan Saad**  
*Pengerusi Program Eidul Adha & Aqiqah Di Kemboja 1427H*



**“Sesungguhnya pahala sedekah itu telah sampai kepada Allah sebelum ke tangan orang yang menerima, darah haiwan korban telah berada di sisi Allah sebelum ia mengalir ke tanah.” *maksud hadith***

## **PENGESAHAN MUFTI KERAJAAN KEMBOJA**



**“Saya dengan ini mengesahkan bahawa Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja 1427H untuk tahun yang ke 13 telah pun disempurnakan. Saya merakamkan rasa syukur terhadap budi baik rakyat Malaysia yang melaksanakan ibadah ini sejak dari 13 tahun yang lalu.”**  
*Petikan surat pengesahan Mufti Kerajaan Kemboja Okhna Haji Kamaruddin Yusof.*



**Surat Pengesahan pelaksanaan Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja 1427H daripada Mufti Kemboja.**

**“Bermurah hatilah kamu terhadap orang-orang di bumi agar yang di langit bermurah hati denganmu.” *maksud hadith***



**“Tidak ada satu amalan yang paling dicintai Allah daripada Bani Adam ketika Hari Raya Eidul Adha selain menyembelih haiwan korban.” *maksud hadith.***

## **MAJLIS PERASMIAN KORBAN EIDUL ADHA & AQIQAH 1427H**

Majlis perasmian diadakan pada Hari Raya Korban 10 Zulhijjah 1427H bersamaan 31 Disember 2007 di Masjid Darul Salam Kg. Krabey, Ka Kor, Kg. Siem, Kompong Cham, Kemboja.



**“Gagal dan rugilah sesiapa yang hatinya tidak dianugerahkan sifat pemurah sesama manusia oleh Allah” *maksud hadith***



**“Makanlah dari daging korban itu dan berikanlah kepada fakir miskin serta simpanlah” *maksud hadith***



**“Maka makanlah olehmu sebahagian daripadanya dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan oleh orang yang sengsara lagi fakir.” *maksud al-Haj : 28***

## **AGIHAN DAGING KORBAN**

Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Kemboja menetapkan agihan seekor lembu korban atau aqiqah bagi setiap 100 buah keluarga dalam sesuatu kampung untuk diagihkan pada Hari Raya Eidul Adha. Mengikut sunnah daging korban diagihkan dalam keadaan belum dimasak manakala daging aqiqah pula dimasak dan diadakan jamuan.

Jawatankuasa Agihan Daging Korban disusun di setiap kampung agar setiap keluarga dalam kampung tersebut dapat merasai daging korban walaupun sedikit.

*Haji Ibrahim Bin Haji Omar dan Haji Tariman Bin Yusof, peserta Ziarah Kemboja dari Malaysia sedang mengagihkan daging korban sambil disaksikan oleh pengerusi program.*



**“Muliakanlah korban-korbanmu kerana nanti ia menjadi kenderaan kamu ketika melalui titian Siratal-Mustaqim.”  
*maksud hadith.***



**“Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkarannya) dengan aqiqahnya yang disembelih untuk dia ketika hari ketujuh dan dicukur, lalu diberi nama.” *maksud hadith.***

## **JAMUAN AQIQAH SEPANJANG TAHUN**

Pelaksanaan ibadah Aqiqah dilaksanakan sepanjang tahun. Penyertaan A001 disempurnakan pada 31 Januari 2006 di Masjid Ar-Rahmani, Chruoy Metrey Leu, Ressey Chruoy, Mukkampoul, Kandal dan penyertaan akhir bagi tahun 1427H disempurnakan pada 31 Disember 2006 di Darul-Ridhwan, Trapeang Chhouk, Boeng, Barey, Kampung Thom, Kemboja.



Jamuan Kenduri aqiqah dimanfaatkan untuk kenduri perkahwinan, jamuan pelajar di Pusat Islam, jamuan program kongres Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja, jamuan berbuka puasa dan jamuan majlis perasmian masjid.

Setiap peserta yang menyertai ibadah aqiqah termasuk juga korban akan diberikan sijil pengesahan pelaksanaan yang mana dinyatakan tarikh, tempat dan tujuan jamuan dilaksanakan di Kemboja.



**“ Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat baik.” *maksud al-A'raf : 56***



**“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi.”**

*maksud al-Imran : 92*

## **PROGRAM BERBUKA PUASA DI KEMBOJA**

Sumbangan yang diterima oleh Mufti Kerajaan Kemboja mencukupi untuk jamuan berbuka puasa dilaksanakan di seluruh kampung-kampung Islam di Kemboja. Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. telah menyalurkan RM 36,825.47. Juga pihak Mufti telah menerima sumbangan daripada Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia dan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.



**Ibadah Aqiqah telah disempurnakan bagi para peserta untuk sijil A114 - A227 pada bulan Ramadhan 1427H ini:**

**Lembu Aqiqah : 37 ekor  
Kambing Aqiqah : 77 ekor  
Sedekah / Nazar : 1 ekor**

**“Tiap-tiap sesuatu ada kuncinya, dan kunci syurga itu adalah mengasihi fakir miskin” *maksud hadith***





“Bangkitlah dan saksikanlah penyembelihan haiwan korbanmu! Sesungguhnya sejak titisan darah yang pertama haiwan korbanmu itu Allah telah mengampuni semua dosa-dosamu...” maksud hadith

## TEMPAT PELAKSANAAN IBADAH KORBAN & AQIQAH



Layarilah [www.korbanaqiqah.com.my](http://www.korbanaqiqah.com.my) untuk senarai terperinci mengikut nombor sijil korban dan aqiqah, masjid, kampung, mukim, daerah dan wilayah.

**“Sedekah itu diambil dari orang-orang kaya untuk orang-orang miskin yang ada di antara kamu (kaum muslimin)” maksud hadith Nabi**

## **KETENTUAN MUFTI KERAJAAN KEMBOJA** **Syarat Pelaksanaan Ibadah Korban & Aqiqah**

### **Penerimaan Sijil Nama-Nama Peserta Korban & Aqiqah Serta Wang Bagi Pembelian Lembu Atau Kambing.**

Tanggungjawab ini hanya akan diserahkan kepada imam-imam Masjid, guru agama dan wakil-wakil urusan yang dipilih oleh Mufti Kerajaan Kemboja.

### **Syarat-syarat Lembu Korban & Aqiqah**

Lembu untuk ibadah Korban & Aqiqah hendaklah berumur lebih 2 tahun, tidak sakit, tidak cacat, tidak kurus, tidak buta dan tidak bunting.

### **Penjagaan Lembu**

Lembu yang telah dibeli hendaklah disimpan di tempat yang selamat, diberi makan dan minum yang secukupnya, dijaga kesihatannya dan tidak digunakan untuk kerja-kerja.

### **Nama Peserta Korban & Aqiqah**

Lebih baik nama-nama peserta Korban & Aqiqah yang ada pada sijil-sijil yang telah diserahkan itu ditulis pada papan hitam semasa penyembelihan. Ambil foto (jika boleh).

### **Persiapan Lembu Korban & Aqiqah**

Lembu-lembu hendaklah dahulu dibersihkan dengan air sebelum dibawa ke tempat penyembelihan iaitu di kawasan masjid atau surau. Peralatan penyembelihan dan pelapahan disediakan dahulu dan dibawa bersama.



### **Pengumuman Korban & Aqiqah**

Pengumuman kepada semua penduduk kampung hendaklah dibuat berkenaan ibadah Korban & Aqiqah yang akan disempurnakan.

### **Penyembelihan**

Pisau yang tajam hendaklah digunakan dengan lembu Korban & Aqiqah diikat dengan baik. Lembu dan penyembelih hendaklah menghadap kiblat. Mulakan dengan Bismillah dan boleh juga diiringi dengan salawat Nabi dan doa. Niat penyembelihan ialah untuk peserta-peserta yang namanya ada pada sijil.

### **Agihan Daging Korban**

Daging lembu korban hendaklah diagih-agihkan dengan adil kepada penduduk kampung.

### **Jamuan Aqiqah**

Daging lembu Aqiqah hendaklah dimasak serta jamuan diadakan di masjid atau surau atau di tempat-tempat lain yang dipersetujui oleh Mufti atau Ketua Urus Setia.

### **Sijil Pengesahan Pelaksanaan**

Selepas ibadah Korban & Aqiqah disempurnakan, Sijil Pelaksanaan Korban & Aqiqah hendaklah dikembalikan kepada Ketua Urus Setia dengan kadar yang segera.

**“Dan barangsiapa mengagungkan syiar-syiar Allah,  
maka sesungguhnya itu timbul dari ketakwaan hati.”**  
*maksud al-Hajj : 32*

## MAJLIS PERASMIAN MASJID

Perasmian Masjid merupakan budaya umat Islam Kemboja untuk mengembangkan syiar Islam dalam negara yang bilangan umat Islamnya 5% daripada jumlah 13 juta rakyat Kemboja. Ternakan Aqiqah & Korban disembelih dan jamuan diadakan untuk meraikan ribuan penduduk kampung yang hadir pada masjid-masjid yang berkenaan.

Untuk tahun 1427H sebanyak 15 buah masjid yang akan dan telah dirasmikan di beberapa wilayah di seluruh Kemboja. Majlis telah dirasmikan oleh YB Okhna Haji Othman Hassan, Penasihat Agama Perdana Menteri merangkap Presiden Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja yang mewakili Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen.



Rombongan Ziarah Kemboja dari Malaysia telah berpeluang untuk menziarahi dua masjid yang dirasmikan pada 1 Januari 2007 iaitu masjid Kampung Dong Kombet, Kg Cham, Kemboja dan pada 2 Januari 2007 masjid Toul Moy, Kg Cham, Kemboja.

Jamuan aqiqah dan daging korban telah diadakan untuk ribuan penduduk kampung yang membanjiri majlis perasmian masjid-masjid yang berkenaan.

*Nasi putih dan daging setahun sekali...*



**“Sesungguhnya Allah menyukai sesuatu yang nilainya tinggi dan membenci yang nilainya rendah.”**  
*maksud hadith*

## **WAKAF PERIGI**

Musim kemarau di Kemboja boleh berlanjutan sehingga enam bulan. Perigi merupakan salah satu keperluan asasi penduduk kampung di seluruh Kemboja. Alhamdulillah mulai 1427H Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. telah diamanahkan untuk memantau pembinaan 16 buah perigi yang telah diwakafkan untuk beberapa buah kampung di Kemboja.

## **SENARAI WAKAF PERIGI**

<b>No. Sijil</b>	<b>Tempat</b>
PM001	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM002	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM003	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM004	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM005	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM006	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM007	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM008	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM009	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM010	Kg. Ruol Bounly, Daerah Tbong Khmom, Kompong Cham
PM011	Kg. Kerbau, Wilayah kompong Cham
PM012	Kg. Prey Beh, Daerah Kg. Tralach, Kg. Chnang, Kemboja
PM013	Daerah Kg. Tralach, Kg. Chnang, Kemboja
PM014	Kg. Prey Beh, Daerah Kg. Tralach, Kg. Chnang, Kemboja
PM015	Kg. Tralach, Kg Chnang, Kemboja
PM016	Kg. Tralach, Kg Chnang, Kemboja



**“Semulia-mulia hari di sisi Allah adalah hari Raya Korban, hari Eidulfitri, hari Arafah dan hari Mina adalah hari raya kita umat Islam yang mana kita makan dan minum dan mengingati Allah” maksud hadith**

Harga yang diperuntukkan untuk sebuah perigi adalah sebanyak USD130 dan kos pengurusan sebanyak USD26. Setiap peserta yang membuat wakaf perigi akan diberi salinan surat pengesahan penerimaan wakaf perigi dan juga sijil pelaksanaan yang disahkan sendiri oleh mufti kerajaan Kemboja.



Surat pengesahan penerimaan dan sijil pengesahan



Untuk yang berminat, sila hubungi Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. untuk maklumat terperinci.



**“Bukankah korban itu termasuk ibadah yang menyelamatkan orang yang empunyaanya daripada kejahatan dunia dan akhirat.” *maksud hadith***

## **PROGRAM IBADAH KORBAN BERKELOMPOK**

Penyertaan daripada Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia (BAKIT) dan juga jemaah Surau Al-Mardhiah, Taman Melawati, Kuala Lumpur telah dapat disempurnakan pada perasmian Program Korban Eidul Adha & Aqiqah bagi tahun 1427H. Sebanyak 25 ekor lebih lembu korban dan aqiqah anjuran BAKIT telah disempurnakan manakala 4 ekor lebih lembu korban dan aqiqah untuk ahli jemaah Surau Al-Mardhiah dilaksanakan.



**“ Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat baik.” *maksud al-A'raf : 56***



**“Katakanlah (Wahai Muhammad) : “Berjalanlah kalian di muka bumi, kemudian perhatikanlah...”  
maksud al-An’am : 11**

## **ROMBONGAN PARA PESERTA DI KEMBOJA**

Seramai 26 orang peserta yang mengikuti rombongan ziarah ke Kemboja bermula 30 Disember 2006 hingga 3 Januari 2007. Program ziarah ini bertujuan untuk melihat sendiri pelaksanaan korban dan aqiqah di samping mengeratkan silaturrahim sesama Islam antara Malaysia dan Kemboja.



### **Ahli Rombongan ke Kemboja 30 Disember 2006 hingga 3 Januari 2007 :**

Haji Che Mazlan Saad, Ust Mohd. Iskandar MYA, Ustazah Norwariza Mohd. Hed, Nor Azlin bin Ngha, Luqman Hisyam Che Mazlan, Fadhlattullah Zakaryya Adam, Mohd Kamil Abd Rahman, Hamidah Mohd Said, Haji Mokhtar Bin Haji Mohd Zain, Timah Bte Ghazali, Hanif Bin Abd Ghani, Tariman Yusof, Abdul Fatah Bin Haji Abd Hamid, Haton Bte Din, Fatin Hanani Abdul Fatah, Abdullah Bin Mohd, Salmah Abdullah, Habiborlah Sheikh Salimullah, Haji Ibrahim Haji Omar, Hajah Junaidah Ismail. Abidin Bin Ismail, Nosiah Bte Jantan. Isa Kamari, Ahmad Tarmizi Mohd Mokhtar, Mohsin Mohd Mokhtar, Lokman

Bagi yang berminat menyertai Program Ziarah Kemboja yang dikendalikan oleh Pejabat Mufti Kemboja untuk tahun 1428H butir-butirnya adalah seperti berikut :

**Tarikh ziarah :** 18 Disember 2007 hingga 22 Disember 2007 (5 hari 4 malam).

**Kos :** RM 600.00 termasuk penginapan, makan dan pengangkutan selama 5 hari di Kemboja tidak termasuk tiket penerbangan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi urus setia program : 03-4143 4343



**“Janganlah seseorang itu memakan (menyimpan daging korbannya lebih dari 3 hari)”  
maksud hadith**

## **KURSUS-KURSUS DI KEMBOJA**

Masalah utama yang dihadapi oleh Kemboja ialah kemiskinan dan tahap serta kemudahan pendidikan yang rendah. Pada setiap tahun kursus-kursus pendek disusun sempena program korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja.

**“Dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)”  
maksud Taha : 73**

***Bangunan Madrasah Tahfiz di Kg. Kerbau***



**Kursus yang dilaksanakan ialah :**

Kursus Bacaan al-Quran bertajwid telah dikendalikan oleh Ustazah Norwariza Bte Mohd Hed di pejabat mufti Kemboja, KM9, Chraing Chamres, Phnom Penh dan Ustaz Iskandar MYA di Kg. Kbob, Svay Kleang, Krochhmar, Kompong Cham. Kursus ini dihadiri oleh ustazah-ustazah yang mengajar di rumah ataupun madrasah dan juga pelajar-pelajar dari madrasah.





**“Jika kamu bersyukur, nescaya Ku-tambahkan nikmat kepadamu, tetapi jika kamu ingkar, maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih.” maksud Ibrahim : 7**

## **📄 PENYAMPAIAN LAPORAN KEPADA KEDUTAAN MALAYSIA**

Pada tanggal 3 Januari 2007, laporan awal program pelaksanaan Korban & Aqiqah di Kemboja yang menyenaraikan tempat-tempat pelaksanaan mengikut nombor sijil penyertaan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Hj. Zakaryya Adam, Ketua Urus Setia Program Korban & Aqiqah di Kemboja merangkap Setiausaha Negara Kementerian Agama dan Kepercayaan Kemboja kepada Tuan Yang Terutama Adnan Othman, Duta Besar Malaysia, Embassy of Malaysia di Phnom Penh, Kemboja. Penyerahan laporan diiringi oleh para peserta dari Malaysia yang mengikuti Program Ziarah Kemboja.

**“Ya Tuhanku, lapangkanlah dadaku dan mudahkanlah segala urusanku...” maksud Taha : 25-26**

Salinan surat pengesahan laporan Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja 1427H tahun yang ke 13 kepada Duta Malaysia di Kemboja, Tuan Yang Terutama Dato Adnan Othman.



Laporan Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja 1427H juga dihantar kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.



**“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya, hendaklah memberi nafkah dari harta yang Allah berikan kepadanya.” maksud at-Thalaq :7**

## **PUSAT ISLAM KEMBOJA**

Pusat Islam Kemboja terletak pada satu kawasan bangunan 5 hektar yang terletak di kampung Chroy Meantrey, mukim Russey Kroy, daerah Mukkampol, wilayah Kandal, Kemboja. Pusat Islam Kemboja merupakan Pusat Ilmu dan Pentadbiran yang unggul bagi umat Islam di Kemboja yang membawa manfaat kepada semua rakyat Kemboja tanpa mengira kaum, keturunan dan agama.



## **MISI PUSAT ISLAM KEMBOJA**

Pusat Islam Kemboja bertujuan untuk mendidik anak-anak Kemboja dengan falsafah pendidikan yang bersepadu agar terbentuk ikatan

yang kuat dan bermakna dengan Tuhan, hubungan yang membawa manfaat sesama manusia serta kecintaan yang mendalam kepada alam sekitar. Mereka dididik agar mampu memberi sumbangan kepada kemajuan agama, bangsa dan negara Kemboja. Pusat Islam Kemboja juga berhasrat menjadi Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam serta Pusat Kebudayaan Masyarakat Melayu Champa.



**“Jika seorang isteri menafkahkan harta suaminya bukan untuk sesuatu kemaksiatan, baginya pahala dari apa yang di nafkahkan. Demikian juga bagi suaminya.”**  
*maksud hadith*

## OBJEKTIF PUSAT ISLAM KEMBOJA

❑ Melaksanakan Program Pendidikan Akademik yang bersepadu yang merangkumi sistem Pendidikan Kebangsaan serta Kurikulum Pendidikan Islam yang berkualiti dan mendapat pengiktirafan Kerajaan Kemboja serta dunia luar. ❑ Melaksanakan Program Vokasional dan Profesional dengan sijil pengiktirafan pencapaian pada peringkat Sijil dan Diploma agar para graduan boleh berdiikuti dan mendapat pekerjaan dalam sektor kerajaan ataupun swasta. ❑ Menyediakan kemudahan dan sistem pentadbiran untuk mufti Kerajaan Kemboja dan Majlis Pimpinan Tertinggi Agama Islam Kemboja untuk mengurus hal ehwal umat Islam di Kemboja. ❑ Menyediakan program serta pameran kebudayaan kaum Melayu Champa untuk diperkenalkan kepada seluruh rakyat Kemboja bagi tujuan keharmonian kaum serta



menjadi pusat pelancongan untuk kegiatan ekonomi negara. ❑ Menjalankan aktiviti ekonomi agar mampu menampung program-program serta peranan dan tanggungjawab Pusat Islam Kemboja.

Pusat Islam Kemboja memerlukan bantuan untuk terus beroperasi. Segala sumbangan dari dalam dan luar negara bolehlah menggunakan akaun rasmi berikut:

Nama akaun : Cambodia Islamic Center  
Nombor Akaun : 010-02-10-03061-2  
Nama Bank : Cambodian Public Bank Limited Phnom Penh, Cambodia  
Swift Code : CPBLKHPP  
Alamat : Villa 23, Vithei Kramounsar (Street 114/67) Phnom Penh.



**“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian dari usahamu yang baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu.” *maksud al-Baqarah : 267***

## **📌 PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA GURU-GURU AGAMA**

Pada tanggal 1 Januari 2007, seramai 20 orang guru-guru agama telah menerima sumbangan daripada peserta Malaysia yang diadakan di Kg. Dong Kombet, Kompong Cham. Penyampaian sumbangan ini diserahkan sendiri oleh Mufti Kerajaan Kemboja, Okhna Haji Kamarudin Yusof dan juga Haji Mokhtar bin Haji Mohd Zain, telah mewakili peserta dari Malaysia yang di saksiakan sendiri oleh seluruh rombongan Malaysia ke Kemboja.

Sumbangan yang diterima merupakan wang yang di sedekah oleh peserta program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja.

“Kami rombongan daripada Malaysia amat berbesar hati dan bersyukur kerana dapat melihat sendiri keadaan umat Islam di Kemboja dan dapat membantu sekadar mampu. InsyaAllah kami akan berusaha untuk sama-sama membantu umat Islam di Kemboja ini agar kehidupan umat Islam di sini bertambah baik.” Petikan ucapan salah seorang peserta rombongan Malaysia.



**“Dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari-hari yang telah ditentukan atas rezeki yang Allah berikan kepada mereka berupa binatang ternakan” *maksud al-Hajj : 28***



# “**Sesungguhnya solat itu kewajiban yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman**” *maksud an-Nisa’ : 103*

Penyampukan hadiah kepada pelajar cemerlang Madrasah an-Nikmah, Phnom Penh.

## **URUS SETIA PROGRAM KORBAN & AQIQAH**



Urus setia di Kemboja : Okhna Haji Othsmann Hassan, Penasihat Perdana Menteri dan isteri, Haji Zakaryya Adam, Setiausaha Negara Kementerian Agama dan Kepercayaan, Haji Sabri Kassim, Timbalan Gabenor Wilayah Kompong Cham dan isteri serta Haji Dr. Mohsein, Presiden Cambodian Muslim Students’ Association

### **Pengerusi :**

Haji Che Mazlan Saad  
*Pengerusi Eksekutif.*

**Pembantu Khas Pengerusi & Ketua Urus Setia di Malaysia :**  
Ustazah Norwariza Mohd Hed.

### **Urus Setia di Malaysia :**

Iriani Asnawi  
Zairani A. Hamid  
Zamzurilariha Anuar  
Norfadilah Zakaria  
Siti Faizura Abd. Rahman  
Mohd. Rohaizal Hamid  
Nor Azlin Ngah  
Zulhalimi Anuar Mohammad  
Habib Benhadria  
Mohd Azam Supardi  
Jamilah Mokter  
Luqman Hisyam Che Mazlan  
Ahmad Kamel Othman  
Rasfan Abu Kassim  
Fadhlatullah Zakaryya Adam

**Ketua Urus Setia di Kemboja :**  
Haj Zakaryya Adam  
*Setiausaha Negara Kementerian Agama & Kepercayaan*

### **Ketua Keselamatan :**

Haji Sabri Kassim  
*Timbalan Gabenor Wilayah Kompong Cham*

### **Wakil Urusan di Kompong Chhnang :**

Haji Hashim Yunus,  
*Imam Daerah*

### **Wakil Urusan di Phnom Penh, Kandal, Takeo, Prey Veng, Svay Rieng, Kg Speu :**

Ustaz Yusof Yahya,  
*Pembantu Khas Mufti.*  
Ustaz Abdul Wahid Abdullah,  
*Guru Agama.*  
Raihan Kamaruddin  
*Pembantu Khas Mufti*

### **Wakil Urusan di Kompong Cham :**

Haji Sabri Kassim  
*Timbalan Gabenor Wilayah Kompong Cham.*  
Ustaz Haji Mokhtar,  
*Imam Wilayah.*

### **Wakil Urusan di Kerachih :**

Tuan Yusuf Said, *Ahli Majlis Syura.*

### **Wakil Urusan di Pursat, Battambang & Bondeay Mean Chey :**

Hj Musa Sulaiman, *Ahli Majlis Syura.*

### **Wakil Urusan di Kampot & Kompong Som, Koh Kong :**

Ustaz Zuhri, *Ahli Majlis Syura.*

### **Wakil Urusan di Kompong Thom :**

Haji Zuhdi Yusuf, *Ahli Majlis Syura.*

### **Wakil Urusan di Siemreap :**

Ustaz Musa Salleh, *Ahli Majlis Syura.*

### **Wakil Urusan di Rattanakiri, Mondul Kiri :**

Ustaz Syukri Kassim, *Guru Agama.*

**“Pekerjaan yang dilakukan pertama kali pada hari eidul adha ialah solat hari raya, kita pulang untuk menyembelih korban. Barangsiapa mengerjakannya dia mengikut sunnah.” *maksud hadith Nabi***



Papan tanda nama untuk sijil korban atau aqiqah



Kaum wanita bergotong royong untuk jamuan



Semua penduduk kampung bekerjasama memasak juadah



Anak-anak Kemboja berkumpul sambil menikmati nasi putih dan kari daging



Jamuan makan malam meraikan kedatangan tetamu dari Malaysia

**“Dan barangsiapa menyembelih sebelum hari raya, sembelihan itu hanyalah daging biasa untuk keluarga dan tidak tergolong dalam ibadah korban” *maksud hadith***



**Pengerusi program sedang mengagihkan daging korban**



**Puan Hamidah Mohd Said dari Malaysia menyerahkan sumbangan kepada penduduk kampung**



**Nelayan berkampung di tepi sungai Mekong semasa musim ikan**



**“Bermurah hatilah kamu terhadap orang-orang di bumi agar yang di langit bermurah hati kepadamu” *maksud hadith***